

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

1. Kempen “**CIMB Clicks Super Challenge 2023**” (“**Kempen**”) adalah dianjurkan bersama oleh CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)) (“**CIMB Bank**”) dan CIMB Islamic Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)) (“**CIMB Islamic Bank**”). Setiap sebutan CIMB di sini merujuk kepada CIMB Bank dan CIMB Islamic Bank secara kolektif.

Tempoh Kempen

2. Kempen akan berlangsung dari **masa 00:01 (GMT +8) pada 16hb April 2023 sehingga masa 23:59 (GMT +8) pada 15hb Julai 2023**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”).
3. CIMB merizabkan hak dengan memberi notis terdahulu yang tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar untuk menukar jangka masa dan/atau tarikh-tarikh permulaan dan/atau penamatan Tempoh Kempen.

Kelayakan

4. Tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat di sini, Kempen ini adalah terbuka kepada semua pengguna-pengguna baru dan sedia ada bagi portal perbankan dalam talian *CIMB Clicks* dan aplikasi mudah alih *CIMB Clicks*, kecuali bagi kategori-kategori individu / entiti yang disenaraikan dalam **Klausu 5** di sini. (“**Peserta-Peserta**”).
5. Kategori-kategori individu / entiti berikut **TIDAK** akan layak untuk menyertai Kempen ini: -
 - (a) Kakitangan atau pekerja-pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak CIMB (termasuk anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan) dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka (iaitu pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik); dan/ atau
 - (b) Wakil-wakil dan/atau ejen-ejen (termasuk ejen-ejen pengiklanan dan kempen, vendor-vendor pihak ketiga dan pembekal-pembekal perkhidmatan) CIMB (termasuk anak-anak syarikat ia dan syarikat-syarikat berkaitan) dan kakitangan atau pekerja tetap, sementara dan/atau kontrak mereka dan ahli keluarga terdekat (iaitu pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik) wakil, ejen, kakitangan dan/atau pekerja tersebut; dan/atau,
 - (c) Pelanggan-pelanggan yang memegang apa-apa akaun dengan CIMB yang tertunggak atau bukan dalam kredit yang baik seperti yang ditentukan oleh CIMB mengikut budi bicara mutlakny, atau ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau tidak aktif semasa Tempoh Kempen; dan/atau
 - (d) Perusahaan kecil sederhana/perusahaan perbankan/pelanggan-pelanggan korporat dan komersial seperti yang ditentukan oleh CIMB termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan keuntungan, persatuan dan perkongsian profesional; dan/atau
 - (e) Pelanggan-pelanggan yang telah diisytiharkan sebagai bankrap atau telah digulung, atau sebaliknya mempunyai prosiding penggulungan dalam apa jua bentuk yang dimulakan terhadap mereka; dan/atau
 - (f) Individu-individu yang tidak sempurna akal; dan/ atau
 - (g) Individu- individu di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Dengan menyertai Kempen ini, Peserta merepresentasi dan mengesahkan bahawa beliau tidak termasuk dalam kategori-kategori individu/entiti yang dikecualikan di atas. Peserta-Peserta yang layak untuk menyertai Kempen ini akan dirujuk secara kolektif sebagai “**Peserta Layak**”.

Hadiah-hadiah

6. Hadiah berikut adalah tersedia kepada Pemenang yang dipilih (selepas ini ditakrifkan di **Klausu 14** hingga **15** di sini) dalam Kempen ini: -

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

Kategori Hadiah	Kitaran Kempen & Tempoh Transaksi	Kategori Cabaran	Penerangan Hadiah	Bilangan pemenang
Hadiah Utama	16 April 2023 – 15 Julai 2023	Tidak berkenaan	Satu (1) unit Perodua Aruz 1.5 X	1
Hadiah Super Challenge	Kitaran Kempen 1 16 April 2023 - 15 Mei 2023	Cabaran JomPAY	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran FPX	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran Tambah Nilai Prabayar	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran DuitNow QR	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran Pemindahan Dana DuitNow	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
	Kitaran Kempen 2 16 Mei 2023 - 15 Jun 2023	Cabaran JomPAY	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran FPX	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran Tambah Nilai Prabayar	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran <i>DuitNow QR</i>	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran Pemindahan Dana <i>DuitNow</i>	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
	Kitaran Kempen 3 16 Jun 2023 - 15 Julai 2023	Cabaran <i>JomPAY</i>	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran <i>FPX</i>	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran Tambah Nilai Prabayar	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000
		Cabaran <i>DuitNow QR</i>	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

		Cabaran Pemindahan Dana <i>DuitNow</i>	RM300 Ganjaran Tunai	1
			RM30 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	30
			RM3 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	300
			RM1 PIN Tambah Nilai <i>Touch 'n Go eWallet</i>	3,000

7. Semua hadiah yang disenaraikan dalam **Klausula 6** di atas hendaklah selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Hadiah**”. Kitaran-Kitaran Kempen 1, 2 dan 3 yang dinyatakan dalam jadual di **Klausula 6** di atas hendaklah secara individu dirujuk sebagai “**Kitaran Kempen**” dan secara kolektif dirujuk sebagai “**Kitaran-Kitaran Kempen**”.

Kriteria Penyertaan

8. **Berkenaan dengan Hadiah Super Challenge**

- (a) Untuk berpeluang memenangi Hadiah *Super Challenge* yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Peserta Layak dikehendaki untuk berjaya melaksanakan Transaksi-Transaksi Layak mengikut cara yang dinyatakan di bawah untuk memperolehi penyertaan-penyertaan (“**Penyertaan Layak Super Challenge**”): -

Kategori <i>Super Challenge</i>	Kriteria Penyertaan	Penyertaan Layak <i>Super Challenge</i> diberikan
Cabaran <i>JomPAY</i>	Berjaya melaksanakan tiga (3) Transaksi Layak <i>JomPAY</i> (selepas ini ditakrifkan di Klausula 10 di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 masing-masing melalui (a) aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> ; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> .	1
Cabaran <i>FPX</i>	Berjaya melaksanakan tiga (3) Transaksi Layak <i>FPX</i> (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 10 di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 masing-masing melalui portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> .	1
Cabaran Tambah Nilai Prabayar	Berjaya melaksanakan tiga (3) Transaksi Layak Tambah Nilai Prabayar (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 10 di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 masing-masing melalui (a) aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> ; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> .	1
Cabaran <i>DuitNow QR</i>	Berjaya melaksanakan tiga (3) Transaksi Layak <i>DuitNow QR</i> (selepas ini ditakrifkan di Klausula 10 di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 masing-masing melalui (a) aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> ; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> .	1
Cabaran Pemindahan Dana <i>DuitNow</i>	Berjaya melaksanakan tiga (3) Transaksi Layak Pemindahan Dana <i>DuitNow</i> (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 10 di sini) dengan nilai transaksi minimum RM10 masing-masing melalui (a) aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> ; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> .	1

- (b) Bagi mengelakkan keraguan, Penyertaan Layak *Super Challenge* yang diperolehi oleh Peserta Layak bagi setiap Kitaran Kempen hanya sah untuk Kitaran Kempen tersebut dan tidak boleh dibawa ke hadapan ke Kitaran Kempen yang seterusnya. Setiap Kitaran Kempen akan diperbaharui atas ketamatan

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

hari terakhir kitaran masing-masing dan kesahan Penyertaan Layak *Super Challenge* tersebut yang diperolehi oleh Peserta Layak akan luput pada akhir setiap Kitaran Kempen.

- (c) Bagi mengelakkan keraguan, sebarang transaksi-transaksi yang dilaksanakan melalui Aplikasi *CIMB Octo* akan dikecualikan bagi tujuan Kempen ini dan tidak layak untuk memperolehi sebarang Penyertaan Layak *Super Challenge* atau Penyertaan Layak Hadiah Utama.

9. Berkenaan dengan Hadiah Utama

- (a) Untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Peserta Layak dikehendaki untuk melakukan transaksi-transaksi yang disenaraikan di bawah dalam Tempoh Kempen untuk mendapatkan penyertaan-penyertaan (“**Penyertaan Layak Hadiah Utama**”): -

Kriteria Penyertaan	Penyertaan Layak Hadiah Utama diberikan
Pendaftaran baru ID <i>CIMB Clicks</i> dan berjaya log masuk ke aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> bagi kali pertama	10
Setiap penyempurnaan <i>Super Challenge</i>	1

- (b) Bagi mengelakkan keraguan, Penyertaan Kelayakan Hadiah Utama yang diperolehi oleh Peserta Layak dalam setiap Kitaran Kempen akan dikumpul sepanjang Tempoh Kempen.

10. Bagi tujuan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, ungkapan “**Transaksi-Transaksi Layak**” akan ditakrifkan seperti berikut: -

Jenis Transaksi-Transaksi Layak	Keterangan
“ Transaksi Layak JomPAY ”	Berjaya membayar sebarang bil atau invoice <i>JomPAY Biller</i> melalui bahagian ‘ <i>JomPAY</i> ’ melalui (a) aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> ; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> , dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 11).
“ Transaksi Layak FPX ”	Berjaya membayar kepada mana-mana peniaga-peniaga <i>FPX</i> melalui portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 11).
“ Transaksi Layak Tambah Nilai Prabayar ”	Transaksi tambah nilai prabayar yang berjaya dilaksanakan melalui bahagian ‘Top Up’ dalam aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> ; dan/atau (b) portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> , dengan menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 11).
“ Transaksi Layak DuitNow QR ”	Pembayaran yang berjaya kepada pedagang atau pindahan dana keluar kepada pihak ketiga melalui fungsi ‘ <i>DuitNow QR</i> ’ dalam aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> menggunakan mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 11).
“ Transaksi Layak Pemindahan Dana DuitNow ”	Pemindahan dana luaran yang berjaya daripada mana-mana Akaun Penyertaan Peserta Layak (selepas ini ditakrifkan pada Klausula 11) kepada pihak ketiga melalui bahagian ‘ <i>DuitNow to Account (Instant Transfer)</i> ’ atau ‘ <i>DuitNow to Mobile/ID</i> ’ dalam aplikasi mudah alih <i>CIMB Clicks</i> ; <u>dan/atau</u> (b) portal perbankan dalam talian <i>CIMB Clicks</i> . Untuk mengelakkan keraguan, Transaksi Layak <i>DuitNow QR</i> tidak akan dianggap sebagai pemindahan dana keluar untuk tujuan menentukan sama ada Peserta Layak telah melakukan Transaksi Layak Pemindahan Dana <i>DuitNow</i> .

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

11. Bagi tujuan Kempen ini, rujukan kepada "**Akaun Penyertaan**" Peserta Layak bermaksud akaun simpanan/i CIMB, akaun semasa/-i CIMB, akaun/-i kad kredit/-i CIMB dan/atau mana-mana akaun kad prabayar CIMB beliau yang berdaftar dengan CIMB bagi tujuan kemudahan perbankan dalam talian *CIMB Clicks*.
12. Penjejakan Transaksi Layak adalah berdasarkan tarikh-tarikh dan masa transaksi (Waktu Malaysia) seperti yang dinyatakan dalam rekod-rekod transaksi CIMB semasa Tempoh Kempen.
13. Peserta Layak mengakui dan bersetuju bahawa penentuan oleh CIMB sama ada sebarang transaksi tertentu berlayak untuk menjadi Transaksi Layak adalah muktamad, mengikat dan konklusif dan penentuan tersebut tidak mestilah dicabar dalam apa jua cara sekalipun.

Pemilihan Pemenang-Pemenang

14. Pemilihan Pemenang:

(A) Pemenang Hadiah Super Challenge:

- (i) Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan Layak *Super Challenge* akan menerima satu pemberitahuan tolak melalui aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* untuk membolehkan beliau untuk melengkapkan *Super Challenge*. Tertakluk kepada Peserta Layak telah memperolehi Penyertaan Layak *Super Challenge* yang diperlukan mengikut **Klausula 8** di atas, tiada had bilangan percubaan oleh Peserta Layak untuk melengkapkan *Super Challenge* dalam setiap kategori *Super Challenge* dalam setiap Kitaran Kempen.
- (ii) Bagi mengelakkan keraguan, *Super Challenge* akan disediakan kepada Peserta Layak melalui aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* sahaja. Oleh itu, Peserta Layak mesti memuat turun dan memasang aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* sama ada daripada *Google Play Store*, *Apple App Store* atau *Huawei App Gallery* (yang mungkin terpakai) pada peranti mereka untuk melengkapkan *Super Challenge*.
- (iii) Hadiah *Super Challenge* akan diberikan kepada Peserta Layak terpilih yang melengkapkan *Super Challenge* ("**Pemenang-Pemenang Hadiah Super Challenge**"), tertakluk kepada ketersediaan Hadiah *Super Challenge* di bawah kategori *Super Challenge* yang berkenaan dalam Kitaran Kempen yang berkenaan.
- (iv) Peserta Layak yang tidak melengkapkan *Super Challenge* sebelum tamat Kitaran Kempen yang berkenaan tidak boleh membawa ke hadapan Penyertaan Layak *Super Challenge* yang telah diperolehinya ke Kitaran Kempen seterusnya. Kesahan Penyertaan Layak *Super Challenge* yang diperolehi oleh Peserta Layak akan luput pada akhir setiap Kitaran Kempen.
- (v) Peserta Layak akan berlayak untuk memenangi maksimum lima (5) Hadiah *Super Challenge* sahaja bagi setiap Kitaran Kempen.
- (vi) Bagi Peserta Layak yang merupakan pengguna baru aplikasi mudah alih *CIMB Clicks*, ia akan mengambil masa tujuh (7) hari bekerja untuk Transaksi Layak ditunjukkan dalam aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* beliau.

(B) Pemenang Hadiah Utama:

- (i) Pada akhir Tempoh Kempen, tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, satu senarai pemenang-pemenang yang berpotensi akan disenarai pendek oleh sistem automatik CIMB daripada kumpulan Peserta Layak yang telah memperolehi Penyertaan Layak Hadiah Utama dalam suatu Pusingan Kempen Hadiah Utama ("**Pemenang Berpotensi Hadiah Utama**"). Peluang-peluang Peserta Layak untuk disenarai pendek akan meningkat mengikut kadar bilangan Penyertaan Layak Hadiah Utama yang diperolehi oleh beliau semasa Pusingan Kempen Hadiah Utama tersebut.

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (ii) Seorang (1) Pemenang Berpotensi Hadiah Utama akan dihubungi melalui telefon pada nombor telefon mudah-alih beliau yang disimpan dalam rekod CIMB dan beliau dikehendaki untuk menjawab dua (2) soalan dengan betul sebelum diisytiharkan sebagai pemenang Hadiah Utama ("**Pemenang Hadiah Utama**"). Jika percubaan pertama untuk menghubungi Pemenang Berpotensi Hadiah Utama gagal, atas sebab-sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada tiada jawapan, nombor telefon Pemenang Berpotensi Hadiah Utama tidak berada dalam perkhidmatan, kekurangan sambungan atau atas apa-apa sebab lain, dua (2) percubaan lagi akan dibuat untuk menghubungi Pemenang Berpotensi Hadiah Utama tersebut di nombor telefon mudah alih yang sama. Sekiranya percubaan ketiga tidak berjaya, Pemenang Berpotensi Hadiah Utama tersebut akan hilang kelayakan dan tidak berhak untuk memenangi Hadiah Utama dan Pemenang Berpotensi Hadiah Utama seterusnya yang dihubungi oleh CIMB yang menjawab kedua-dua soalan dengan betul akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama.
- (iii) CIMB mempunyai budi bicara mutlak untuk menetapkan tarikh yang ditetapkan (Isnin-Jumaat) dan masa (9 pagi-6 petang) untuk membuat panggilan-panggilan telefon kepada Pemenang Berpotensi Hadiah Utama. CIMB tidak akan bertanggungjawab atas panggilan-panggilan yang dibuat kepada Pemenang Berpotensi Hadiah Utama iaitu; (a) tidak selesai atau terputus hubungan atas apa-apa sebab sekalipun; dan/atau (b) tidak dijawab atau tidak diteruskan atas ketiadaan Pemenang Berpotensi Hadiah Utama pada tarikh dan masa yang ditetapkan. CIMB berhak untuk merakamkan perbualan-perbualan telefon ini.
- (iv) Semua sesi soal jawab akan diadili dan diputuskan oleh panel hakim yang dipilih oleh CIMB dan keputusan panel hakim itu adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
- (v) Bagi mengelakkan keraguan, semua caj telekomunikasi yang dikenakan berkenaan dengan Kempen ini akan ditanggung oleh Peserta Layak (termasuk sebarang caj perayauan yang dikenakan oleh Peserta Layak yang tidak berada di Malaysia) akibat perhubungan CIMB dengan mereka. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas caj tersebut.
- (vi) Peserta Layak adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa nombor mudah alih mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemas kini dengan CIMB. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap Peserta Layak untuk sebarang kerugian (termasuk kehilangan peluang dan kerugian turutan yang berbangkit daripadanya) yang dialami oleh Peserta Layak jika kerugian tersebut disebabkan oleh nombor mudah alih beliau dalam rekod CIMB adalah tidak betul dan/atau tidak dikemaskini.

Pemenuhan Hadiah

- 15. CIMB akan memaklumkan kepada Pemenang Hadiah *Super Challenge* dan Pemenang Hadiah Utama (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "**Pemenang**") melalui paparan komunikasi elektronik di laman web CIMB Clicks di www.cimbclicks.com.my atau melalui e-mel atau melalui SMS ke nombor telefon mudah alih Pemenang atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain, yang mana CIMB boleh memilih mengikut budi bicara mutlaknya. Pengumuman sedemikian akan dibuat dan/atau dikemas kini pada akhir setiap Kitaran Kempen dan/atau Tempoh Kempen, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 16. Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini hendaklah dipenuhi seperti berikut: -
 - (A) **Hadiah *Super Challenge* (Ganjaran Tunai RM300):**
 - (i) Berkenaan dengan Pemenang Hadiah *Super Challenge* yang berlayak untuk menerima Ganjaran Tunai RM300 di bawah kategori Hadiah *Super Challenge*, RM300 akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan mereka sebagaimana yang dipilih oleh CIMB dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas ketamatan Tempoh Kempen.

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (ii) Ganjaran Tunai RM300 tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga, ditukar dengan hadiah atau ganjaran yang berbeza dengan nilai yang sama atau alternatif lain dalam apa jua keadaan. CIMB tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pemenang Hadiah *Super Challenge* untuk mengkreditkan Ganjaran Tunainya ke akaun CIMB miliknya yang lain atau mana-mana akaun lain yang dikekalkan dengan institusi kewangan lain atau mana-mana akaun pihak ketiga.
- (iii) Mana-mana Pemenang Hadiah *Super Challenge* dimana Akaun Penyertaannya dengan CIMB telah ditamatkan, digantung, dibatalkan, ditutup atau menjadi dormant sebelum Ganjaran Tunai RM300 diberikan kepadanya di bawah Kempen ini tidak layak untuk menerima Ganjaran Tunai RM300 di bawah Kempen ini.

(B) Hadiah Super Challenge (PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet*):

- (i) Berkenaan dengan Pemenang Layak Hadiah *Super Challenge* yang berlayak untuk menerima hadiah PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet*, mereka akan menerima kod PIN Tambah Nilai elektronik yang dipaparkan pada skrin aplikasi mudah alih *CIMB Clicks* mereka dalam masa nyata. Sebagai alternatif, Pemenang Hadiah *Super Challenge* tersebut boleh memilih untuk mendapatkan semula kod PIN Tambah Nilai daripada bahagian "Cabaran" dalam aplikasi mudah alih *CIMB Clicks*.
- (ii) PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet* mesti ditebus oleh Pemenang Hadiah *Super Challenge* dalam tempoh sah yang ditetapkan, jika gagal PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet* akan dibatalkan oleh pembekal yang berkaitan secara automatik tanpa notis lanjut kepada Pemenang *Super Challenge* dan CIMB tidak akan mempunyai kewajipan untuk menggantikan PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet* tersebut dalam apa jua keadaan.
- (iii) PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet* akan ditawarkan dan/atau disediakan semata-mata oleh pembekal yang berkaitan, di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh pembekal tersebut dan CIMB tidak menerima liabiliti (termasuk tanpa pengehadan, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) walau apa pun yang timbul berkaitan dengan PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet*, walaupun CIMB telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut, jika ada, terlebih dahulu, dan semua ganti rugi tersebut dikecualikan secara nyata melainkan jika perkara yang sama disebabkan oleh kecuriaan lampau CIMB atau keingkaran sengaja.
- (iv) CIMB tidak akan melayan apa-apa aduan yang berkaitan dengan PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet*. Kemasukan PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet* dalam Kempen ini tidak boleh dianggap sebagai pengendorsan atau pengesyoran yang sama oleh CIMB. Liabiliti CIMB yang berkenaan dengan PIN Tambah Nilai *Touch 'n Go eWallet* hanyalah untuk membayar harga yang sama kepada pembekal yang berkaitan.

(C) Hadiah Utama:

- (i) Atas permintaan CIMB, Pemenang Hadiah Utama hendaklah menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau mana-mana program publisiti lain yang mungkin dikehendaki oleh CIMB atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri, jika gagal, atau jika beliau gagal untuk menuntut Hadiah Utama dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan, CIMB dengan ini berhak untuk melucuthak Hadiah Utama dan memilih Pemenang Hadiah Utama yang lain.
- (ii) Hadiah Utama adalah: -
 - (a) disediakan atas dasar "seperti di mana";
 - (b) tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau kredit; dan
 - (c) tidak termasuk apa-apa aksesori atau item yang mungkin telah ditunjukkan dalam mana-mana bahan promosi CIMB, kerana bahan tersebut adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
- (iii) Model/warna sebenar Hadiah Utama mungkin berbeza.

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

- (iv) Pemenang Hadiah Utama mesti mempunyai keupayaan penuh di sisi undang-undang untuk memiliki Hadiah Utama dan tidak mestilah dilarang oleh mana-mana undang-undang atau peraturan untuk memiliki Hadiah Utama.
 - (v) Pemenang Hadiah Utama bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang diperlukan dengan CIMB dan/atau pengedar/ejenjnya untuk mengumpul atau menebus Hadiah Utama. CIMB tidak akan menanggung sebarang tempat penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama atau perlu menanggung semasa menebus atau menggunakan Hadiah Utama.
 - (vi) Pemenang Hadiah Utama mestilah bertanggungjawab untuk membuat susunan yang diperlukan dengan CIMB dan/atau pengedar/ejenjnya untuk mengumpul atau menebus Hadiah Utama. CIMB tidak akan menanggung sebarang penginapan dan/atau pengangkutan dan/atau kos lain yang mungkin ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama atau perlu ditanggung semasa menebus atau menggunakan Hadiah Utama.
 - (vii) Pemenang Hadiah Utama mestilah bertanggungjawab keseluruhannya untuk pembayaran semua cukai, insurans / takaful dan/atau semua caj pelbagai lain yang berkaitan dengan Hadiah Utama dan untuk membolehkan pemindahan Hadiah Utama kepada namanya. CIMB TIDAK akan bertanggungjawab untuk menanggung kos cukai jalan, insurans / takaful kereta, kos pengangkutan kenderaan kepada Pemenang Hadiah Utama masing-masing dan/atau apa-apa kos sampingan lain.
 - (iv) Semua takaful semasa dan akan datang, cukai jalan, keluar, kos, yuran, dan perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelenggaraan Hadiah Utama adalah tanggungjawab Pemenang Hadiah Utama bermula dari tarikh Pemenang Hadiah Utama menerima Hadiah Utama daripada CIMB;
17. CIMB berhak untuk membatalkan mana-mana Hadiah yang diberikan di bawah Kempen ini sekiranya terdapat pembalikan pembayaran untuk Transaksi Layak.
18. Setakat sepenuhnya yang dibenarkan oleh undang-undang, CIMB dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang representasi, waranti atau sokongan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tentang Hadiah. CIMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau dialami oleh Pemenang secara langsung atau tidak langsung akibat penggunaan Hadiah oleh mereka.
19. Semua kos, yuran dan/atau perbelanjaan yang telah ditanggung atau akan ditanggung oleh Pemenang berkaitan dengan Kempen dan/atau tuntutan Hadiah termasuk sebarang fi, levi atau cukai yang telah dikenakan atau akan dikenakan adalah liabiliti dan tanggungjawab Pemenang sepenuhnya.
20. Dengan menerima atau menerima Hadiah yang ditawarkan di bawah Kempen ini, Pemenang bersetuju untuk memegang CIMB dan gabungannya dan pengarah, pegawai, pekerja dan ejen masing-masing daripada dan terhadap sebarang tuntutan, tindakan, prosiding, penghakiman, kerosakan, kerugian, perbelanjaan atau liabiliti yang berkaitan dengan beliau: -
- (i) penyertaan dalam Kempen; atau
 - (ii) resit, penebusan atau penggunaan Hadiah.
21. Semua risiko, kerugian atau kerosakan yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Umum

22. CIMB berhak untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar-gambar dan bandar kediaman mana-mana pemenang untuk tujuan-tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai. Dengan menyertai Kempen ini, pemenang dengan ini membenarkan dan bersetuju bahawa CIMB pada kebebasannya untuk menerbitkan dan/atau mempamerkan bahan-bahan dan/atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

kepada nama, foto-foto dan bandar kediaman pemenang tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti. Ketidakpatuhan boleh menyebabkan pemenang alternatif dipilih.

23. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini serta membenarkan CIMB untuk memproseskan dan mendedahkan data peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB yang boleh didapati di **www.cimb.com.my** dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat secara adil dan munasabah oleh CIMB yang berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Hadiah-Hadiah yang akan diberikan adalah muktamad, mengikat dan konklusif.
24. Akaun-akaun Peserta Layak dengan CIMB (i) TIDAK BOLEH melanggar terma-terma dan syarat-syarat yang mentadbir akaun mereka dengan CIMB DAN (ii) TIDAK BOLEH ditamatkan atau ditutup atau dibuat tertakluk kepada apa-apa lampiran, perintah bertentangan yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh undang-undang, tunggakan, dan/atau tidak sah atau dibatalkan seperti yang ditentukan oleh CIMB semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan atau pemenuhan hadiah, selainnya Peserta Layak akan dibatalkan daripada menyertai Kempen ini dan/atau Hadiah akan dibatalkan.
25. CIMB berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta Layak yang ditentukannya telah mengganggu proses penyertaan, atau bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
26. CIMB berhak untuk menggantikan Hadiah-Hadiah yang ditawarkan dengan item lain dengan kos yang sama dan/atau untuk melanjutkan, memendekkan, menghentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis empat belas (14) hari kalendar terlebih dahulu kepada Peserta Layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen ini oleh CIMB tidak akan memberi hak kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana orang lain yang membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap CIMB untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada tindakan pelanjutan, pemendekan, pemberhentian, pembatalan, penamatan atau penggantung Kempen ini.
27. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta Layak dengan ini bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Peserta Layak jika CIMB tidak dapat melaksanakan secara keseluruhan atau sebahagian daripada kewajipannya di sini, dikaitkan secara langsung atau tidak langsung dengan kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, perang, mogok, rusuhan, apa-apa tindakan Tuhan di luar kawalan CIMB atau disebabkan oleh apa-apa faktor sifat *force majeure* yang di luar kawalan munasabah CIMB.
28. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang dialami (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampungan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak) walau apa pun yang timbul, berhubung dengan penyertaan atau ketidaksertaan dalam Kempen ini termasuk yang timbul daripada sebarang penerimaan atau ketidakterimaan atau terimaan tertangguh oleh Peserta Layak SMS melainkan jika perkara yang sama timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya lampau CIMB atau keingkaran sengaja.
29. CIMB berhak apabila memberi notis terlebih dahulu sebanyak dua puluh satu (21) hari kalendar untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pemadaman, pengubahsuaian, pindaan atau sebaliknya walau apa pun) ("Pindaan") mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini. Pemberitahuan kepada Peserta Layak berkenaan dengan Pindaan akan dilaksanakan mengikut budi bicara mutlak CIMB melalui salah satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui paparan komunikasi elektronik di laman web *CIMB Clicks* di **www.cimbclicks.com.my** atau laman web CIMB di **www.cimb.com.my** di mana peruntukan-peruntukan

**KEMPEN “CIMB CLICKS SUPER CHALLENGE 2023”
TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT**

terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan dalam notis itu sendiri atau boleh diberikan kepada Peserta Layak atas permintaan; atau dengan melaksanakan iklan mengenai Pindaan dalam satu akhbar pilihan CIMB atau melalui apa-apa cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh CIMB dan Pindaan itu akan dianggap mengikat Peserta Layak dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh CIMB dalam pemberitahuan itu. Peserta Layak mengakui dan bersetuju untuk mengakses laman web *CIMB Clicks* dan/atau laman web CIMB secara berkala untuk melihat Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kempen dan memastikan bahawa mereka sentiasa mengikuti dengan sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

30. Tiada pampasan secara tunai atau apa-apa jenis akan diberikan kepada Peserta Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta Layak sebagai hasil langsung atau tidak langsung daripada Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
31. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa menurut **Klausu 29** di atas) akan mengatasi mana-mana peruntukan-peruntukan atau perwakilan-perwakilan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Perjanjian Perbankan Internet *CIMB Clicks* dan terma-terma dan syarat-syarat semasa yang mentadbir akaun Peserta Layak dengan CIMB yang terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
32. Sebarang pertanyaan, maklum balas, kebimbangan, pengeluaran atau aduan oleh Peserta Layak yang berkaitan dengan akaun-akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank hendaklah diajukan kepada CIMB Islamic Bank dan CIMB Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa perkara yang berkaitan dengan akaun-akaun Peserta Layak di bawah CIMB Islamic Bank.
33. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini adalah tertakluk kepada pemakaian mana-mana undang-undang, garis-garis panduan, arahan-arahan, notis-notis, peraturan-peraturan yang digubal dan/atau mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang diisukan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB berhubung dengan atau yang terpakai bagi Kempen atau apa-apa perkara di sini.
34. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan, konflik, ketidakjelasan atau percanggahan antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini, versi Bahasa Inggeris bagi Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan diguna pakai. Walau apa pun yang disebutkan di atas, di mana permintaan telah dibuat oleh Peserta Layak dan diambil maklum dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa Perjanjian Perbankan Internet *CIMB Clicks* versi Bahasa Malaysia yang telah dipilih oleh Peserta Layak untuk mengawal operasi penggunaan *CIMB Clicks* versi Bahasa Malaysia, maka Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini versi Bahasa Malaysia akan diguna pakai.
35. Untuk maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, Peserta Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB yang mengandungi alamat surat-menyurat dan e-mel serta nombor telefon dan faksimili berikut (atau mengandungi alamat surat-menyurat dan e-mel lain serta nombor telefon dan faksimili yang boleh diubah oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada Peserta Layak): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan. Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / Emel: cru@cimb.com.